

*Unggulanya  
Seorang 'Alim Duraish...*

**Abu 'Abdullah  
Muhammad bin Idris  
al-Muttalibi al-Shafi'i  
(150H. - 204H.)**

**DR. HAJI MAT SAAD ABDUL RAHMAN**

*Al-Shafi'i seorang failasuf dalam empat bidang; bahasa,  
persoalan khilaf ulama', ma'ani dan fiqh  
-Ahmad bin Hanbal*

**Rahsia  
Kembara  
Ilmu**

إيثار و كمال جواران اسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDAMA



## Dr. Haji Mat Saad Abdul Rahman

Dr. Haji Mat Saad bin Abdul Rahman dilahirkan di Kedah Darul Aman merupakan seorang ahli akademik yang berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan. Beliau yang juga salah seorang Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan ahli Panel Kajian Syariah JAKIM telah menghasilkan beberapa karya asli dan karya terjemahan. Selain buku ini, buku terbaru beliau ialah 'Ensiklopedia Ulama'.

Unggulanya  
Seorang Alim Qur'aish...

Abu 'Abdullah  
Muhammad bin Idris  
al-Muttalibi al-Shafi'i  
(150H. - 204H.)

*Al-Shafi'i seorang filsuf dalam empat bidang; bahasa,  
persoalan khilaf ulama', ma'ani dan fiqh  
-Ahmad bin Hambal*




PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
TAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Unggulanya  
Seorang Alim Qur'ani...


Abu 'Abdullah  
Muhammad bin Idris  
al-Muttalibi al-Shafi'i  
(150H. - 204H.)

DR. HAJI MAT SAAD ABDUL RAHMAN

Al-Shafi'i seorang failasuf dalam empat bidang; bahasa,  
persoalan khilaf ulama', ma'ani dan fiqh  
-Ahmad bin Hanbal



PUSTAKA PERDANA




1012138

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



2011



Cetakan Pertama 2011  
© JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
www.islam.gov.my

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mat Saad Abdul Rahman

Abu 'Abdullah Muhamad Bin Idris Al-Muttalibi Al-Shafi'i:

(150H. - 204H.) / Mat Saad Abdul Rahman.

ISBN 978-983-042-492-7

1. Shafi'i, Muhammad Ibn Idris, 767 or 8-820. 2. Shafiltes—Biography.

3. Scholars, Muslim-Biography. I. Judul.

297.61

Diterbitkan Oleh:  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Blok D7 & D9, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62517 Putrajaya  
Tel: 603-8886 4000 Faks: 603-8889 2039



## KANDUNGAN

Kata Pengantar Ketua Pengarah JAKIM	vii
Kata Pengantar Mantan Ketua Pengarah JAKIM	ix
Sepatah Kata Penulis	xi

### **PENGENALAN**

Tujuan Penulisan	xvii
Rasional Penulisan	xviii
Penulisan Terdahulu	xix
Organisasi Penulisan	xxiii

### **BAHAGIAN PERTAMA**

#### **Lakaran Sejarah Hidup Imam al-Shafi' i**

Pendahuluan	3
Nama Sebenar dan Nasab Imam al-Shafi' i	5
Tarikh Lahir dan Wafat Imam al-Shafi' i	9
Masyarakat Zaman Imam al-Shafi' i	12
Kisah Hidup dan Pembelajaran Imam al-Shafi' i	29
Guru-guru Imam al-Shafi' i	51
Para Sahabat dan Murid Imam al-Shafi' i	114
Penulisan Imam al-Shafi' i	217
Ulasan Abu Zuhrah terhadap Karya Penulisan Imam al-Shafi' i	241

*Abu 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalibi al-Shafi' i  
(150 H.- 204 H.)*

## BAHAGIAN KEDUA

### Kesarjanaan Imam al-Shafi'i dan Kedudukannya pada Pandangan Ulama

Pendahuluan	245
Imam al-Shafi'i Seorang Ahli Usul Kitab al-Risalah	247
Imam al-Shafi' i Seorang Faqih Kitab al-Umm	271
Imam al-Shafi' i Seorang Ahli Tafsir	302
Imam al-Shafi'i Seorang Ahli Hadis	312
Imam al-Shafi' i Seorang Ahli Bahasa	336
Imam al-Shafi'i dalam Beberapa Kemahiran Yang Lain	349

Peribadi Imam al-Shafi' i	369
Imam al-Shafi' i Pada Pandangan ulama'	382
Mutiara Kata	391

## PENUTUP

Bibliografi	411
-------------	-----

## KATA PENGANTAR KETUA PENGARAH JAKIM

Assalamualaikum wr. wbt.

**A**lhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberi taufik dan hidayah-Nya sehingga usaha penulisan buku ini dapat diselesaikan dalam rangka untuk berkongsi pengetahuan dan menyebarkan maklumat khususnya kepada masyarakat Islam.

Dalam meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat Islam di negara ini, Jakim telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti. Antaranya dalam bentuk penulisan. Dengan lahirnya buku ini, diharap ia menjadi khazanah ilmu dan menjadi bahan bacaan yang sangat berguna. Buku ini mengemukakan sebuah kisah tentang perjalanan hidup seorang ulama' dan keilmuan yang dimilikinya, Ianya wajar diketahui oleh masyarakat untuk dijadikan *ibrah* dalam kehidupan.

Pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penulis iaitu Dr. Haji Mat Saad bin Abdul Rahman yang telah menyumbang sebuah penulisan kategori sejarah yang sangat penting dalam membangunkan transformasi umat ke arah satu bangsa yang bertamadun.

Sekian, wassalam.

Dato' Haji Othman bin Mustapha  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



## KATA PENGANTAR

### MANTAN KETUA PENGARAH JAKIM

Assalamualaikum wr. wbt.

**S**egala puji dan pujian kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita semua diberi taufik dan hidayah dalam usaha menegakkan syiar Islam di muka bumi ini. Selawat dan salam khusus untuk Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat baginda semua.

Terlebih dahulu saya ucapkan syabas kepada YBhg Dr. Haji Mat Saad bin Abdul Rahman atas daya usaha dan kesungguhan beliau dalam menghasilkan sebuah karya yang berjudul "ABU ABDULLAH MUHAMMAD BIN IDRIS AL-MUTTALIBI AL-SHAFI'I." Penyelidikan yang menghasilkan sebuah penulisan ilmiah ini telah membongkar kisah seorang imam mazhab yang unggul dalam lipatan sejarah umat Islam.

Kita harus menyedari, tinggalan Imam al-Shafi'i dalam pelbagai bidang disiplin ilmu telah memberi sumbangan yang besar dalam sejarah peradaban ummah. Menyusur tentang kehidupan peribadi, keilmuwan, jasa dan sumbangan serta pengaruh tokoh ini dalam kehidupan masyarakat umat Islam akan memberi satu gagasan baharu. Ini kerana, dengan mengetahui kisah hidup tokoh ini secara lebih mendalam, kita akan mengetahui kehebatan beliau dan mengaguminya sebagai seorang tokoh yang banyak berjasa dan menjadi ikutan jutaan umat Islam di seluruh dunia.

*Abu 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalibi al-Shafi i  
(150 H.- 204 H.)*

Akhirnya saya berharap usaha murni YBhg Dr. Haji Mat Saad bin Abdul Rahman dalam menjayakan penerbitan buku ini, diterima oleh Allah SWT dan dikira sebagai satu amal jariah yang berkekalan. Semoga usaha yang baik ini memberi impak positif dalam membangunkan masyarakat yang berilmu. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih, wassalam.

Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz  
Mantan Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## SEPATAH KATA PENULIS

**S**aya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan 'inayah-Nya jua maka penulisan ini dapat disempurnakan dalam bentuk yang serba sederhana dengan tujuan memberi satu liputan tentang peri hidup Imam al-Shafi' i dan kewibawaannya sebagai ilmuwan tersohor sehingga ke waktu ini.

Saya mula mengenali Imam al-Shafi'i sejak saya menulis sebuah buku berkaitan dengan Fiqh Mazhabnya yang saya namakan *Penulisan Fiqh al-Shafi'i, Pertumbuhan dan Perkembangannya*. Buku ini diterbitkan oleh Penerbitan Hizbi pada tahun 1986 M. Dalam buku ini, satu paparan ringkas mengenai sejarah hidup beliau telah saya rakamkan. Sejak itu saya mula berjinak-jinak dengan *kitab-kitab turath* yang mengupas sejarah hidupnya secara mendalam. Sesudah itu timbul minat dalam diri ini ingin meluahkan hasil pembacaan itu ke dalam sebuah buku untuk tatapan masyarakat Islam tempatan yang rata-rata adalah pengikut kepada mazhabnya.

Dalam perkembangan berikutnya, saya sempat mengumpul sejumlah *rujukan turath* yang memberi liputan mendalam tentang diri dan kehidupannya. Inilah sebahagian kisah yang saya olah dan abadikan dalam penulisan ini. Walau bagaimanapun saya masih belum berpuas hati lagi kerana terdapat beberapa fakta penting yang tidak jelas kepada saya disebabkan kekurangan bahan rujukan di negara ini. Anggaplah penulisan ini sebagai permulaan daripada seorang insan yang serba da'if. Penulisan seperti ini perlu diteruskan dengan lebih mendalam oleh generasi ilmuwan masa ini yang memiliki serba kemudahan dalam mendapatkan maklumat.

Pengalaman yang ingin dikongsi bersama pembaca dalam menghasilkan buku ini ialah ketika mengadakan kajian saya menghadapi beberapa kesulitan, antaranya kesulitan mendapatkan rujukan primemer (*rujukan turath*) yang masih tersimpan di beberapa buah perpustakaan di di

*Abu 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalibi al-Shafi'i*  
(150 H.-204 H.)

negara-negara Timur Tengah, seperti Mesir, Turki, Kuwait dan lain-lain. Saya menghadapi masalah berkaitan dengan fakta yang tidak lengkap dan kadang-kadang bercanggah mengenai maklumat diri mereka yang berada di sekeliling Imam al-Shafi'i, seperti para gurunya, para sahabat dan para muridnya. Antara masalah tersebut ialah berkenaan tarikh lahir dan tempat lahir serta tempat wafat mereka. Begitu juga dengan nama seseorang tokoh, kadang-kadang sukar di peroleh nama lengkapnya. Ulama' yang menulis biasanya menumpukan kepada bidang ke'aliman kepakaran dan kedudukan seseorang dalam kalangan ulama' tanpa mengambil kira faktor-faktor sekeliling yang membentuk diri seseorang itu lahir sebagai tokoh atau ilmuwan zamannya.

Dalam situasi begini, saya banyak berusaha mendapatkan kitab-kitab atau buku-buku berkaitan dengan penulisan ini dari beberapa buah perpustakaan sama ada di dalam ataupun di luar negara. Tiap-tiap maklumat yang saya peroleh dalam bentuk yang amat singkat perlu disempurnakan dengan merujuk kepada beberapa rujukan lain.

Untuk pengetahuan semua, saya kurang menghadapi kesulitan sewaktu mendapatkan fakta berkaitan dengan diri Imam al-Shafi'i kerana dalam banyak sumber beliau sendiri yang merakamkan ceritera dirinya sendiri sejak awal mula kelahirannya pada tahun 150 H. sehinggalah ke saat beliau wafat pada tahun 204 H. Ini tidak termasuk apa yang telah dirakamkan oleh para sahabat dan muridnya yang bersama-sama dengannya ketika di Makkah, Madinah, Baghdad dan Mesir.

Saya berharap Allah SWT akan menerima usaha ini sebagai suatu *amal jariyah* yang berterusan dan dapat dimanfa'atkan oleh umat Islam, khususnya di Malaysia dan para pengikut mazhabnya di rantau Asia ini. Pada akhirnya saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada mereka yang membantu saya dalam menjayakan usaha ini. Khususnya kepada Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, mantan Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah sudi memberi persetujuan untuk menerbitkan buku ini dan Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM kini, Puan Hajjah Pauzaiyah binti Haron serta pegawai-pegawai di Bahagian Penerbitan JAKIM yang mengambil daya usaha merealisasikan impian ini.


*Abu 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalibi al-Shafi'i  
(150 H- 204H.)*

Kepada semua, saya persembahkan karya ini untuk dimanfaatkan. Semoga daya usaha ini dapat diteruskan dan dilengkapi dari semasa ke semasa dengan maklumat dan fakta terbaru hasil penyelidikan yang komprehensif oleh para ilmuwan angkatan seterusnya.

وما توفيقى إلا بالله إنه نعم المولى ونعم النصير

Dr. Haji Mat Saad Abdul Rahman  
Bandar Baru Bangi  
Selangor  
24 Mac 2011





*"Al-Shafi'i seorang failasuf  
dalam  
empat bidang;  
bahasa,  
persoalan khilaf ulama',  
ma'ani  
dan  
fiqh."*

*- Ahmad bin Hanbal*

## PENGENALAN

Imam al-Shafi'i merupakan satu nama besar yang tidak asing dalam kalangan umat Islam di serata dunia. Mazhab yang dipeloporinya menjadi ikutan sebilangan besar penduduk Islam di merata tempat, termasuklah jutaan umat Islam yang mendiami rantau Asia ini seperti Malaysia, Indonesia dan lain-lain.

### TUJUAN PENULISAN

Biarpun Imam al-Shafi' i merupakan nama besar, masyhur dan tersohor, tetapi tidak semua orang mengenalinya secara dekat menerusi detik-detik hidup yang dilaluinya. Tidak semua orang tahu tentang kebolehannya dalam berbagai-bagai bidang ilmu serta kemahirannya dalam seni *al-furusiyyah* dan memanah. Tidak semua orang tahu tentang sejumlah besar sumbangan penulisannya dalam berbagai-bagai bidang yang diwariskannya kepada umat Islam. Justeru penulisan ini bertujuan, antaranya:

1. Menyingkap sejarah hidup yang dilaluinya satu persatu sehingga sampai ke saat kewafatannya;
2. Menyingkap siri penjelajahan pengajian dan perguruannya;
3. Menyingkap sejarah hidup sebahagian para sahabat dan muridnya yang menjadi kader-kader penyebar aliran mazhab yang dibawanya;
4. Mendedahkan pemikirannya dalam berbagai-bagai bidang ilmu berdasarkan karya tulis ilmiah yang dihasilkannya;
5. Memapar dan menganalisis sebahagian hasil penulisannya dengan tujuan mendedahkan keintelektualannya dalam sesuatu bidang;

*Abu 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalibi al-Shafi'i*  
(150 H.-204H.)

6. Menyorot sebahagian pengiktirafan ulama terhadap peribadi, kedudukan, ketokohan, kepakaran dan penulisannya dalam berbagai-bagai bidang ilmu; dan
7. Mengetengahkan pengaruh mazhabnya di negara ini dalam berbagai-bagai bidang; politik, ekonomi, pendidikan, sosio-budaya dan lain-lain. Tetapi tujuan terakhir ini, Insya-Allah akan di paparkan dalam penulisan berikutnya.

## RASIONAL PENULISAN

Seorang ilmuwan yang begitu hebat karismanya, tentulah peri hidupnya wajar menjadi contoh atau tauladan kepada kita semua, khususnya generasi muda yang sedang membina masa hadapan mereka atau yang sedang berada di mana-mana pusat pengajian sama ada tinggi ataupun rendah. Maka penulisan ini mempunyai signifikannya yang tersendiri.

Penulisan ini juga merupakan sebuah karya penyelidikan dalam memperkenalkan kehebatan Imam al-Shafi' i dari sudut keintelektualannya kepada masyarakat kini kerana ke'alimannya dalam berbagai-bagai bidang ilmu dianggap sebagai satu cabaran kepada ilmuwan sekarang yang rata-rata hanya berupaya menguasai satu bidang ilmu sahaja dalam satu kelompok yang besar.

Selain mengupas sejarah hidup Imam al-Shafi'i dan sudut-sudut yang dilaluinya, ia juga bertujuan memperkenalkan sejumlah besar hasil karyanya, yang sebahagiannya belum lagi diketahui oleh masyarakat umum. Masyarakat mengenali kitab-kitab *al-Risalah* dan *al-Umm*, tetapi di samping kitab buah kitab tersebut, masih ada lagi beberapa buah kitab lain yang pernah dihasilkannya. Tentu kedudukan ini memerlukan satu kajian, penyelidikan dan pendedahan yang lebih mendalam.

Akhirnya, penulisan ini juga bertujuan meninjau secara khusus beberapa pendapat Imam ini dalam bidang Ilmu Usul, Fiqh dan ilmu-ilmu yang lain.

## PENULISAN TERDAHULU

Imam al-Shafi'i, adalah antara sebilangan tokoh besar yang mendapat liputan yang begitu banyak dan meluas daripada para ulama' sesudahnya. Mereka berusaha menyelami sejarah hidup beliau, liku-liku yang dilaluinya, kegigihan dan pengorbanannya dalam usaha mendapatkan Ilmu Allah dan menyebarnya menerusi aliran mazhab yang dikenali dengan namanya, iaitu Mazhab Shafi'i. Antara penulisan khusus yang saya maksudkan itu ialah:

1. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu Muhammad bin Dawud al-Asbahani (w. 270 H.);
2. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu 'Abdullah Muhammad bin Ibrahim al-Bushanji (w. 290 H.);
3. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Zakaria Yahya al-Saji (w. 307 H.);
4. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Ibrahim bin Muhammad bin 'Arafah (w. 323 H.);
5. ***Kitab Adab al-Shafi'i wa Manaqibuh***, tulisan Abu Muhammad 'Abd al-Rahman bin Abi Hatim al-Razi (w. 327 H.);
6. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu al-Hasan Muhammad bin al-Husain bin Ibrahim al-Aburi al-'Asimi (w. 363 H.);
7. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan al-Sahib Ibn 'Abbad (w. 380 H.);
8. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu 'Ali al-Hasan bin al-Husain bin Hamakan (w. 405 H.);
9. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu 'Abdullah Muhammad bin 'Abdullah al-Hakim al-Naisaburi (w. 405 H.);
10. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Shakir al-Qattan (w. 407 H.);
11. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Isma'il bin Muhammad al-Sarkhasi al-Qarrab (w. 414 H.);
12. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Hamzah bin Yusuf al-Sahmi (w. 427 H.);

*Abu 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalibi al-Shafi'i*  
(150 H.-204 H.)

13. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir al-Baghdadi (w. 428 H.);
14. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu 'Abdullah Muhammad bin Sallamah al-Misri (w. 454 H.);
15. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan al-Hafiz al-Kabir Abu Bakr Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi (w. 458 H.);
16. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan al-Hafiz al-Kabir Abu Bakr Ahmad bin 'Ali al-Khatib al-Baghdadi (w. 463 H.);
17. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu al-Ma'ali 'Abd al-Malik bin 'Abdullah al-Juwaini (w. 478 H.);
18. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu Muhammad 'Abdullah bin Yusuf al-Jurjani (w. 489 H.);
19. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan al-Imam Nasr bin Ibrahim al-Maqdisi (w. 490 H.);
20. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu Zakaria Abi al-Khair bin Salim al-'Umarani al-Yamani (w. 558 H.);
21. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar al-Razi (w. 606 H.);
22. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Abu 'Abdullah Muhib al-Din Muhammad bin Mahmud, Ibn al-Najjar (w. 643 H.);
23. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan al-Imam Burhan al-Din Ibrahim bin 'Umar al-Ja'bari (w. 737 H.);
24. ***Al-Wadih al-Nafis fi Manaqib Ibn Idris***, tulisan Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Dimashqi (w. 774 H.);
25. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan al-Hasan bin Hukama' al-Hamadhani (w. 774 H.);
26. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan Taqy al-Din Abu Bakr Ahmad bin Shuhbah al-Dimashqi (w. 851 H.);
27. ***Kitab Tawali al-Ta'sis***, tulisan al-Hafiz Abu al-Fadl Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani (w. 852 H.);

28. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan al-Imam Abu 'Abdullah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ghanim (w. \_\_\_\_\_);
29. ***Shifa' al-Sudur fi Mahasin al-Sudur***, tulisan al-Hafiz Abu 'Abdullah Muhammad bin Muhammad bin Abi Zaid al-Asbahani (w....);
30. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan al-Hafiz Abu al-Hasan bin Abi al-Qasim al-Baihaqi, dikenali dengan gelaran al-Ghandaq (w.....);
31. ***Kitab Manaqib al-Shafi'i***, tulisan al-Allamah 'Abd al-Ra'uf al-Munawi (w. 1029 H.);
32. ***Tarikh al-Muluk al-Nafis bi Tarjamat al-Imam al-Shafi'i Muhammad bin Idris***, tulisan Isma'il bin Muhammad bin 'Abd al-Hadi al-'Ajluni (w. 1162 H.);
33. ***Al-Imam al-Shafi'i***, tulisan 'Abd al-Ghani al-Daqr;
34. ***Al-Shafi'i, hayatuhu wa 'asruhu***, tulisan Muhammad Abu Zuhrah;
35. ***Al-Imam al-Shafi'i fi Madhhabaihi al-Qadim wa al-Jadid***, tulisan Dr. Ahmad Nahrawi 'Abd al-Salam;
36. ***Al-Imam al-Shafi'i***, tulisan Mustafa 'Abd al-Raziq;
37. ***Mauqif al-Imam al-Shafi'i min Madrasat al-'Iraq al-Fiqhiyyah***, tulisan Muhy al-Din 'Abd al-Salam al-Bultji;
38. ***Al-Imam al-Shafi'i, Nasir al-Sunnah wa Wadi' al-Usul***, tulisan 'Abd al-Halim al-Jundi; dan
39. Lain-lain.

Selain itu, sejarah hidup Imam al-Shafi'i dapat juga dirujuk dalam beberapa buah penulisan umum seperti:

1. ***Al-Tarikh al-Kabir*** dan ***al-Tarikh al-Saghir***, tulisan al-Bukhari;
2. ***Hilyat al-Auliya'***, tulisan Abu Nu'aim al-Asfahani;
3. ***Al-Fihrist***, tulisan Ibn al-Nadim;
4. ***Al-Thiqat***, tulisan Ibn Hibban;
5. ***Tarikh Baghdad***, tulisan al-Khatib al-Baghdadi;

*Abu 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalihi al-Shafi'i*  
(150 H.-204H.)

6. *Tabaqat al-Fuqaha' al-Shafi' iyyah*, tulisan al-'Abbadî;
7. *Tabaqat al-Shafi'iyyah*, tulisan al-Shirazi;
8. *Tabaqat al-Hanabilah*, tulisan Ibn Rajab;
9. *Al-Ansab*, tulisan al-Sam'ani;
10. *Mu'jam al-Udaba'*, tulisan Yaqut al-Hamawi;
11. *Tahdhib al-Asma' wa al-Lughat*, tulisan al-Nawawi;
12. *Wafayat al-A'yan*, tulisan Ibn Khallikan;
13. *Al-Mukhtasar fi Akhbar al-Bashar*, tulisan al-Dhahabi;
14. *Siyar A'lam al-Nubala'*, tulisan al-Dhahabi;
15. *Tadhkirat al-Huffaz*, tulisan al-Dhahabi;
16. *Mir'at al-Jinan*, tulisan al-Yafi'i;
17. *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*, tulisan Ibn al-Subki;
18. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, tulisan Ibn Kathir;
19. *Tabaqat al-Nuhah wa al-Lughawiyin*, tulisan Ibn Qadi Shuhbah;
20. *Tahdhib al-Tahdhib*, tulisan Ibn Hajar;
21. *Al-Nujum al-Zahirah*, tulisan Ibn Taghri al-Bardi;
22. *Husn al-Muhadarah*, tulisan al-Suyuti;
23. *Tabaqat al-Shafi' iyyah*, tulisan al-Asnawi;
24. *Tabaqat al-Shafi' iyyah*, tulisan Ibn Hidayatillah al-Husaini;
25. *Tabaqat al-Mufassirin*, tulisan al-Dawudi;
26. *Al-Wafi bi al-Wafayat*, tulisan al-Safadi;
27. *Shadharat al-Dhahab*, tulisan Ibn al-'Imad al-Hanbali;
28. *Tahdhib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*, tulisan al-Mizzi; dan
29. Lain-lain.

## **ORGANISASI PENULISAN**

Saya bahagikan kerangka penulisan ini kepada beberapa peringkat:

### **PENGENALAN**

Penulisan ini merupakan penyelidikan perpustakaan yang merujuk kepada data-data yang sudah termaktub, maka saya membahagikannya kepada dua bahagian utama, Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua, yang saya dahulukan dengan pendahuluan ringkas tentang kedudukan Imam al-Shafi'i dalam dunia ilmu, sejarah keilmuwan dan di kalangan para ilmuwan zamannya, peranannya secara khusus dalam perkembangan perundangan Islam (Ilmu Usul al-Fiqh dan Fiqh), pengembaraannya yang merentasi perbatasan negara, kesabarannya dalam menghasilkan ilmu, penulisannya yang begitu banyak dan amat bermutu serta penyebaran *Mazhab Fiqhi* yang diasaskannya ke serata rantau Islam, semua ini lainnya sudah tentu akan menjadi teladan yang berkesan kepada generasi muda Islam kini dalam perjuangan mereka.

### **BAHAGIAN PERTAMA**

Bahagian pertama mengandungi kupasan tentang beberapa sudut yang dirasakan perlu, seperti nama lengkap dan nasabnya, tarikh lahir dan wafat serta tempat kedua-duanya, suasana masyarakat zamannya yang saya tinjau dari beberapa sudut iaitu politik, ekonomi, sosial, perkembangan ilmu pengetahuan dan perundangan. Turut disentuh juga pada bahagian ini tentang peri kehidupannya, pengembaraannya dan suasana pembelajaran yang ditempuhinya, mereka yang menjadi gurunya, mereka yang menjadi sahabat dan muridnya dan diakhiri dengan tinjauan secara umum terhadap beberapa buah karya tulisnya sama ada yang dihasilkan di Makkah atau di Baghdad atau di Mesir yang mengandungi secara khusus, pemikiran perundangannya dalam kedua-dua Mazhab Qadim dan Jadidnya.

### **BAHAGIAN KEDUA**

Bahagian ini akan menyingkap beberapa kemahiran ilmiah beliau dalam berbagai-bagai bidang ilmu, seperti Ilmu Usul al-Fiqh, Fiqh, Tafsir, Hadis,

*Abu 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalibi al-Shafi'i  
(150 H.-204H.)*

Bahasa dan Sastra dan lain-lain yang merujuk kepada hasil karyanya dalam ilmu-ilmu berkenaan, antaranya seperti kitab-kitab *al-Risalah*, *al-Umm*, *Ahkam al-Qur'an*, *al-Musnad (Musnad al-Imam al-Shafi'i)*, *Diwan al-Imam al-Shafi'i* dan beberapa catatan ulama' lampau yang menunjukkan kemahiran beliau dalam bidang-bidang yang lain, seperti Ilmu Perubatan, Ilmu Bintang dan Firasat. Bahagian ini saya akhiri dengan mengutip beberapa pandangan ulama' yang mengulas tentang kepakarannya yang tinggi serta penulisannya yang berbagai-bagai.

### **BAHAGIAN KETIGA**

Bahagian ini menyingkap peribadi Imam al-Shafi'i dari sudut sifat-sifat yang dimilikinya, keunggulannya, pandangan ulama'-ulama' lain terhadapnya dan mutiara kata yang mengandungi nasihat untuk semua.

### **PENUTUP**

Bahagian ini merupakan penulisan akhir buku ini.

### **RUJUKAN**

Keseluruhan kajian ini merupakan kajian perpustakaan, justeru ia adalah memadai dengan merujuk kepada rujukan-rujukan primer dan sekunder yang terdapat dalam simpanan peribadi penulis dan di beberapa buah perpustakaan dalam dan luar negara. Kesemua rujukan akan dimuatkan dalam senarai bibliografi pada bahagian akhir penulisan ini.



# BAHAGIAN PERTAMA

Lakaran Sejarah Hidup  
Imam al-Shafii  
(150 H. – 204 H.)

*Saya dilahirkan di 'Asqalan;  
lalu, ketika saya berusia dua tahun,  
saya dibawa ibu ke Makkah.  
Pada masa itu kegemaran saya  
hanya pada dua perkara;  
memanah dan menuntut ilmu,*

## PENDAHULUAN

**A**l-Shafi'i atau sebutan umumnya Imam al-Shafi'i merupakan satu nama besar dalam sejarah perkembangan Ilmu-ilmu

Islam, khususnya yang menyentuh bidang perundangan. Beliau dilahirkan sebagai tokoh zamannya dan kekal sehingga kini sebagai tokoh aliran yang dikenali dengan Mazhab Shafi'i. Keunikan perjalanan hidupnya sebagai seorang anak yatim yang dipelihara seorang ibu yang miskin, hidup di perantauan dan berpindah randa ke sana sini pada masa kanak-kanak dan remajanya kerana mengejar cita-cita, hidup mengasingkan diri di sebuah kampung kerana mencari kejernihan bahasa... dan pada akhirnya beliau lahir sebagai ilmuwan ulung dan tersohor, pemimpin kepada satu aliran perundangan yang terkenal, penyebarannya begitu luas dan cepat ke serata rantau Islam zamannya, sejarah penting dalam kehidupannya amat perlu diketahui, disusuri dan diteladani oleh generasi kini yang hidup

dalam zaman teknologi yang serba pantas dan mewah.

Untuk melahirkan ulama' kita perlu mengetahui sejarah hidup ulama'. Bagaimana cara seseorang ulama' mengurus masanya, tidur bangunnya, makan minumannya, cara bekerja dan kesungguhannya, ibadatnya, akhlaknya, kezuhudan hidupnya, sikapnya, pergaulannya, pembelajaran, pengajaran dan pendekatan ilmiahnya, keberaniannya dalam menegakkan amar ma'ruf dan nahi mungkar dalam masyarakatnya, hubungannya dengan penguasa atau pemerintah, sikapnya terhadap pemerintah yang adil dan zalim,

kegemarannya, mutiara kata dan pesannya.

Dalam menerokai sejarah hidup Imam al-Shafi'i, saya cuba membuat sentuhan secara ringkas tentang beberapa perkara sekitar yang mempengaruhi pembentukan sahsiah dirinya sebagai tokoh ulung di zamannya. Hal ini tidak perlu dipertikaikan kerana manusia adalah individu yang dilahirkan masyarakat zamannya. Antara faktor persekitaran yang saya maksudkan, selain dari sentuhan tentang namanya, nasabnya, kelahiran dan kewafatannya sebagai mukadimah, iaitu suasana masyarakat zamannya (yang sengaja saya pecahkan kepada beberapa tajuk kecil yang

*Abu 'Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalibi al-Shafi' i  
(150 H.-204 H.)*

penting, seperti : Suasana Politik, Kedudukan Ekonomi, Keadaan Sosial, Perkembangan Ilmu dan Perundangan). Sesudah itu saya fokuskan kepada kisah-kisah kehidupannya yang meliputi rangkaian perpindahannya dari Ghazzah (tempat kelahirannya) sehingga ke Mesir (tempat terakhir beliau disemadikan).

Peranan guru-guru Imam al-Shafi'i merupakan faktor utama dalam melahirkannya sebagai ilmuwan terulung. Justeru, dibentangkan beberapa nama tokoh besar yang menjadi guru beliau di serata tempat perpindahannya, begitu juga mereka yang pernah menerima ilmu beliau yang berada di merata-rata tempat. Mereka ini antara para kader yang berusaha menyebarkan aliran mazhab yang dibawanya selepas ketiadaannya. Bahagian pertama ini selanjutnya diakhiri dengan mengemukakan sejumlah besar penulisan yang dihasilkan yang menjadi warisan para pengikutnya serta rujukan paling utama dalam mengenali mazhabnya sehingga ke hari ini.

## NAMA SEBENAR DAN NASAB IMAM AL-SHAFI'I

**B** eliau yang lumrah disebut dalam beberapa kitab fiqh dengan gelaran al-Shafi' i sahaja adalah tokoh dan pengasas kepada Mazhab Shafi' i.

Mazhab ini adalah salah satu mazhab antara empat mazhab dalam kumpulan *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang mempunyai ramai bilangan pengikutnya di seluruh pelosok rantau Islam hari ini, terutamanya di kawasan Asia Tenggara, termasuklah, antaranya ialah negara kita Malaysia. Perkataan al-Shafi'i bukanlah namanya yang sebenar, tetapi ia dinisbahkan kepada nama datuknya yang ketiga sebelah bapanya, iaitu Shafi' bin al-Saib, sesudah al-Abbas dan 'Uthman (Ibn Hidayatillah: 120).

Nama sebenar dan keturunannya ialah Abu 'Abdillah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin Shafi' bin al-Sa'ib bin 'Ubaid bin 'Abd Yazid bin Hashim bin 'Abd al-Muttalib bin 'Abd al-Manaf bin Ma'n bin Kilab bin Murrah bin Lu'ai bin Ghalib bin Fahr bin Malik bin al-Nadr bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrakah bin Ilias bin al-Nadr bin Nizar bin Ma'd bin 'Adnan bin Ud bin Udad. Berketurunan dari suku Bani Hashim, pecahan dari kabilah Quraish dan bertemu dengan nasab (keturunan) Rasulullah SAW pada 'Abd Manaf (al-Nawawi, 1:44; Ibn Hidayatillah: 11; Dr. 'Ali Jum'ah: 6).

Menurut riwayat yang masyhur, ibunya berketurunan Arab Yaman daripada kabilah al-Azd yang terkenal. Beliau *dikunyah* dengan panggilan Umm Habibah al-Azdiyyah. Fakta ini dijelaskan sendiri oleh Imam al-Shafi'i, katanya: *Saya dilahirkan di Ghazzah pada tahun 150 H., kemudiannya saya dibawa (ibu) ke Makkah ketika saya berumur 2 tahun. Ibu saya berasal dari (kabilah) al-Azd* (Yaqut al-Hamawi, 17:281; al-Bultaji: 12).

Kenyataan Imam al-Shafi'i, riwayat Yaqut al-Hamawi, telah dikukuhkan oleh kenyataan cucunya sendiri, iaitu Muhammad bin Bint al-Shafi'i, katanya: *Datuk saya Muhammad bin Idris wafat di Mesir dan'an*

*Unggulnya Seorang  
Alim Zuraish...*

**Abu 'Abdullah  
Muhammad bin Idris  
al-Muttalibi al-Shafii  
(150H. - 204H.)**



- © Lakaran kehidupan seorang pendiri Mazhab;
- © Siri penjelajahannya dalam mencari ilmu;
- © Kader yang terdiri daripada para sahabat dan murid-muridnya;
- © Analisis terhadap karya tulisan dan keintelektualan dalam pelbagai bidang; dan
- © Pandangan Ulama' terhadap dirinya

Khusus kepada anda, keunggulan ulama' ini dari sudut keilmuannya dan keperjadiannya dapat dijadikan contoh. Manakala mutiara kata yang di tinggalkannya dalam bentuk nasihat dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan.

ISBN 978-983-042-492-7



9 789830 424927